

Kondominium jadi stor dadah terbongkar



Zaini menunjukkan dadah yang dirampas dalam serbuan di sebuah kondominium di Jalan Lintas, Kepyayan. (Foto Juwan Riduan/BH)

Kota Kinabalu: Kegiatan seorang lelaki yang menjadikan sebuah kondominium di Jalan Lintas, Kepyayan, di sini, sebagai stor dadah sejak beberapa bulan lalu terbongkar selepas diserbu polis yang merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai lebih RM740,000, Sabtu lalu.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Zaini Jass, berkata bertindak atas maklumat menahan seorang lelaki berusia 47 tahun berasal dari Sibu, Sarawak di kawasan lot parkir tingkat bawah kondominium berkenaan.

“Hasil pemeriksaan beg sandang yang dipakai suspek menemui satu bungkusan surat khabar mengandungi empat paket plastik berisi syabu dan anggaran berat keseluruhan 156 gram (g).

“Soal siasat suspek terbabit membawa kepada serbuan di sebuah bilik di kondominium berkenaan dan menemui pelbagai jenis dadah antaranya dadah jenis syabu seberat 1,624g.

“Turut dirampas, ketamin serbat 2,662g, pil ecstasy (2,801g), dan pil erimin 5 (1,090 biji) dengan anggaran keseluruhan rampasan bernilai RM743,280.

Semua barangan berkenaan ditemui dalam kotak logam yang disimpan dalam bilik kondominium berkenaan,” katanya, di IPK Sabah, di sini semalam.

Yang hadir sama, Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Habibi Majinji dan

Fakta Nombor

RM743,280
nilai

keseluruhan rampasan di kondominium di Jalan Lintas, Kepyayan

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Sabah, Superintendan Ahmad Jawila.

Zaini berkata, hasil soal siasat mendapati suspek mengaku bekalan dadah berkenaan diperoleh daripada seorang lelaki tempatan yang tidak dikenali melalui aplikasi telefon untuk diedar di pasaran tempatan.

“Suspek dipercayai menyewa dua unit kondominium dengan harga RM1,700 bagi setiap unit kondominium sejak Julai lalu dan satu unit kondominium itu dijadikan sebagai tempat menyimpan dadah berkenaan.

“Siasatan dan risikan lanjut dijalankan untuk mengesan pembekal dadah berkenaan,” katanya.

Zaini berkata, suspek ditahan reman selama seminggu sehingga 29 Februari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.